

# PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA



**Dr Mahathir pada sidang media** di Ibu Pejabat BERSATU di Menara Yayasan Selangor, Petaling Jaya, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

## 'Saya Pengerusi BERSATU'

**Kuala Lumpur:** Tun Dr Mahathir Mohamad berkeras beliau masih Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU).

Bekas Perdana Menteri itu mendakwa, surat pengguguran ahli yang dikeluarkan Setiausaha Kerja BERSATU, Mohammad Suhaimi Yahya kelmarin adalah tidak sah dan tidak menepati perlembagaan parti.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, beliau membuat keputusan Suhaimi dipecat daripada parti dan digantikan oleh Datuk Sazmi Miah yang juga Timbalan Pengerusi BERSATU Kelantan.

"Saya datang sini. Saya harap nak jumpa dengan Setiausaha Kerja nak minta apa sebab dia pecat saya, apa salah saya. Tapi entah macam mana dia tak nak jumpa saya," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat BERSATU, semalam.

Beliau juga mendakwa, Setiausaha Kerja BERSATU tidak mempunyai kuasa untuk mengeluarkan surat pemakluman pengguguran ahli, apatah lagi ia tidak pernah diputuskan pada mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT).

"Jadi, saya buat keputusan untuk lucut jawatan Setiausaha Kerja. Suhaimi bukan lagi Setiausaha Kerja. Dia tidak ada hak. Sekarang ini saya lantik orang lain untuk isi jawatan Setiausaha Kerja, (Datuk) Sazmi Miah dari Ke-

lantan. Itulah keadaan sekarang ini," katanya.

Sementara itu, *BERNAMA* melaporkan, Dr Mahathir berkata, pemecatan beliau sebagai Pengerusi BERSATU dan empat lagi pemimpin parti itu kelmarin adalah satu perkara di luar kebiasaan.

"Setiausaha Kerja (jawatan) tiada dalam perlembagaan parti dan dia tidak mempunyai apa-apa kuasa pun berdasarkan perlembagaan. Dia cuma menjalankan tugas dan arahan yang diberi oleh setiausaha (Setiausaha Agung).

"Tiba-tiba semalam (kelmarin), saya dapat surat, Setiausaha Kerja pecat saya, Pengerusi boleh kena buang oleh Setiausaha Kerja," katanya.

**Suhaimi bukan lagi Setiausaha Kerja. Dia tidak ada hak. Sekarang ini saya lantik orang lain untuk isi jawatan Setiausaha Kerja, (Datuk) Sazmi Miah dari Kelantan. Itulah keadaan sekarang ini.**

**Dr Mahathir Mohamad,**  
Bekas Perdana Menteri